

## KPT usaha tingkat capaian internet di IPT

- Oleh NAZARUDIN SHAHARI
- 10 Julai 2023, 8:25 pm



MOHAMED Khaled Nordin (tengah) bergambar bersama para penerima watakah pelantikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti (JPENKK) Negeri Sembilan pada majlis penyampaian watakah itu di Seremban hari ini.-UTUSAN/NAZARUDIN SHAHARI.

SEREMBAN: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengemukakan kepada kerajaan keperluan bagi meningkatkan capaian internet di setiap kampus institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini yang masih belum memuaskan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihaknya tidak menafikan terdapat gangguan atau tiada liputan internet di sesetengah kampus IPT yang telah dikenal pasti oleh KPT.

Katanya, pihaknya telah mengemukakan kepada Kementerian Kewangan peruntukan yang diperlukan bagi mengatasi masalah itu.

“Pada masa ini, kita masih menunggu jawapan daripada kerajaan,” katanya kepada para pemberita selepas menyampaikan watakah pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti (JPENKK) Negeri Sembilan di sini hari ini.

Yang turut hadir Ahli Parlimen Jelevu, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Mohd. Zahari Ismail.

Mohamed Khaled berkata demikian ketika diminta mengulas ciapan di laman Twitter rasmi Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil bahawa Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) serta KPT akan melaksanakan tindakan segera bagi meningkatkan kesalinghubungan di kampus IPT.

Ciapan itu sebagai respon kepada permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya Fahmi memberi keutamaan kepada sistem kesalinghubungan di kampus.

Pada majlis hari ini, seramai lima orang Pengerusi JPENKK Negeri Sembilan yang terdiri daripada Kolej Komuniti (KK) Jempol, KK Jelevu, KK Tampin, KK Rembau dan KK Kuala Pilah telah dilantik untuk tempoh dua tahun berkuatkuasa mulai 1 Julai lalu. JPENKK telah ditubuhkan di semua kolej komuniti pada 2008 dalam usaha kerajaan membantu kolej tersebut menjadi sebuah institusi pendidikan yang dinamik dan berkualiti, mencakupi pelbagai bidang kemahiran dan latihan di negara ini.-UTUSAN.